



SIARAN MEDIA

PENANGGUHAN SEMENTARA PERJANJIAN LALUAN HIJAU TIMBAL BALIK (RECIPROCAL GREEN LANE) ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA

Bandar Seri Begawan, Rabu, 19 Mei 2021

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan mengkaji penilaian risiko daripada seluruh negara/kawasan/rantau yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sehubungan ini, Negara Brunei Darussalam akan menangguhkan buat sementara waktu Perjanjian Laluan Hijau Timbal Balik (*Reciprocal Green Lane Arrangement*) antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang berkuatkuasa mulai hari Khamis, 20 Mei 2021 pada jam 1900, sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sementara itu, bagi mereka yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah Perjanjian ini boleh meneruskan perjalanannya sehingga jam 1900 pada hari Khamis, 20 Mei 2021.

Manakala bagi mereka yang tiba daripada Singapura selepas tempoh ini adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di hotel penginapan masing-masing dengan mengikut jangka waktu ditetapkan yang berdasarkan kepada penilaian risiko Kementerian Kesihatan.

Sehubungan ini juga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal bagi garis panduan perjalanan yang terkini.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

6 Syawal 1442
19 Mei 2021



MEDIA RELEASE

TEMPORARY SUSPENSION OF THE RECIPROCAL GREEN LANE ARRANGEMENT BETWEEN BRUNEI DARUSSALAM AND THE REPUBLIC OF SINGAPORE

Bandar Seri Begawan, Wednesday, 19th May 2021

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam through the Ministry of Health is continuously reviewing the risk assessment of all countries/areas/region affected by the COVID-19 pandemic. In this regard, Brunei Darussalam will be temporarily suspending the Reciprocal Green Lane Arrangement between Brunei Darussalam and the Republic of Singapore effective from Thursday, 20th May 2021, 1900hrs until further notice. Travellers who have already been approved to enter Brunei Darussalam under this arrangement can continue to do so until 1900 hrs on Thursday, 20th May 2021.

After this period, all travellers from Singapore will be required to undergo self-isolation at hotel accommodation for a period as determined by the Ministry of Health's risk assessment.

All travellers are advised to regularly visit the Prime Minister's Office website at www.pmo.gov.bn/travelportal for the most updated entry measures.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

6th Syawal 1442
19th May 2021